

UUMONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) digesa untuk membuka cawangan di Indonesia bagi mengantarabangsakan universiti ini di rantau ini di samping memudahkan pelajar republik ini belajar di sana.

Ketua Dewan Perwakilan Rakyat Indonesia, Dr Marzuki Alie berkata, pihaknya amat berharap pengurusan universiti dapat memikirkan perkara itu kerana keperluan pengantarabangsaan menjadi tunggak utama perkembangan universiti di peringkat antarabangsa.

Katanya, lebih ramai pelajar Indonesia akan memasuki UUM kerana universiti ini mempunyai kepakaran dalam bidang pengurusan terutama perniagaan yang dirasakan mampu menjadi faktor penarik kepada pelajar dari seluruh Indonesia.

"Kini memang sudah ramai rakyat Indonesia sudah menjadi pelajar di UUM termasuk saya tetapi kita mesti menambah lebih ramai lagi pelajar yang harus belajar di universiti ini," katanya ketika berucap di majlis Makan Malam Alumni UUM di sebuah hotel di Jakarta di sini, di sini semalam.

Di majlis itu, Dr Marzuki Alie turut melancarkan Persatuan Alumni UUM Chapter Jakarta dalam majlis yang dihadiri oleh 250 tetamu termasuk rektor, timbalan rektor dari universitas Indonesia, penaja dan alumni dari seluruh Indonesia.

Makan malam itu diadakan serentak dengan Program High Impact Jakarta yang dianjurkan oleh UUM bagi menarik lebih ramai pelajar antarabangsa terutama dari Indonesia untuk menyambung pengajian di peringkat sarjana dan PhD di Malaysia.

Dalam majlis yang sama, tetamu turut dihiburkan oleh artis Indonesia dan kumpulan Sixth Sense dari Malaysia sebelum majlis penyampaian tertinggi Persatuan Alumni UUM.

Sebelum itu, pada sebelah pagi berlangsung majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan 14 universiti Indonesia diadakan membabitkan tiga universiti ternama di Indonesia iaitu, Universitas Indonesia, Universitas Diponegoro dan Universitas Padjajaran.

Universiti lain ialah Universitas Udayana, Universitas 11 Maret, Universitas Hasanuddin Makasar, Universitas Negeri Jakarta dan Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, Universitas Paramadina, Universitas Ahmad Dahlan, Universitas Sanggabuana, Universitas Ibn Kaldun, Universitas 17 Agustus dan Universitas Islam Riau.

Beliau berkata, ahli alumni Jakarta diminta meneruskan aktiviti yang boleh membantu UUM di persada antarabangsa kerana peranan alumni amat penting sebagai agen pemasaran kepada universiti.

"Mereka boleh menjadi agen kerana mampu berkempen untuk membolehkan rakyat Indonesia mempunyai pengetahuan yang luas tentang UUM," katanya.

Dr Marzuki Alie juga menyambut baik kerjasama ini antara 14 universiti Indonesia dengan UUM kerana hubungan antara Indonesia dan Malaysia seperti saudara, sehingga kebersamaan yang dibangun antara kedua negara diharapkan dapat memberi kesejahteraan antara Indonesia dan Malaysia.

"Tujuan negara adalah memberikan kecerdasan, bahawa selama ini kita meminta kecerdasan intelektual. Ada kecerdasan lain yang boleh menghubungkan kedua-dua negara.

"Kita mampu membangun kecerdasan emosional dan spiriitual serta ini merupakan momentum yang lebih baik untuk membangun di antara kedua negara," katanya

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my